

Kisah Hacks ini bermula apabila ayah kepada Datuk Seri Barkath Ali iaitu Haji Abu Backer berjaya memujuk pembuat Hacks di England untuk melantik beliau sebagai ejen tunggal Hacks di Malaya dan Singapura sekitar pertengahan tahun 1950.

## MENJUAL GULA-GULA HACKS YANG DIIMPORT



Asal Haji Abu Backer hanya membuka kedai runcit Barkath Stores di Pulau Pinang. Gula-gula Hacks yang diimport dari England pada masa itu mendapat sambutan cukup hebat di Malaysia.

## BERJAYA MENJADI EJEN TUNGGAL HACKS

Ini menyebabkan Haji Abu Backer cuba meyakinkan syarikat White Hudson Pte Ltd supaya melantiknya sebagai ejen tunggal gula-gula itu. Kesungguhan yang ditunjukkan Haji Abu Backer menyebabkan syarikat tersebut bersetuju menjadikan dia sebagai ejen tunggal Hacks untuk Malaya dan Singapura.



## MEWUJUDKAN SISTEM RAKAN NIAGA

Setelah beberapa lama menjadi pengedar timbul masalah kelewatan order sampai. Cukai yang tinggi dan persaingan harga. Maka dalam tahun 1965, Haji Abu Backer meminta Syarikat White Hudson Pte Ltd supaya mewujudkan sistem rakan kongsi niaga dengan Barkath Stores untuk menghasilkan gula-gula itu di Malaysia.



## HACKS BERJAYA DIBUAT DI MALAYSIA

Haji Abu Backer menghantar anaknya Datuk Seri Barkath ke England semata-mata untuk mempelajari teknik-teknik penghasilan dan pemasaran Hacks. Setahun kemudian setelah kembali ke Malaysia, Hacks berjaya di buat dan diedarkan dari Malaysia atas nama Syarikat Hacks Malaysia Sdn Bhd.



## MINUMAN SUNQUICK

Pada masa yang sama, Barkath Stores juga menjadi pengedar minuman Sunquick yang berasal dari Denmark. Kini Sunquick pun sudah menjadi milik penuh syarikat Datuk Seri Barakath dan diedar kepada hampir 80 negara seluruh dunia.

## PENGAJARAN



Umat Islam juga pandai berniaga



Perniagaan juga sebuah jihad



Buatlah sesuatu dengan penuh usaha

التَّاجِرُ الصَّدُوقِيُّ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

“Perniaga yang jujur dan amanah akan berada bersama para Nabi, Siddiqin dan para Shuhada.”

[Hadis Termizi]